

MOTIVASI DAN KEPUASAN PELAJAR TAHUN SATU DALAM SUBJEK KREATIF, AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN (CAS) DI KOLEJ MARA BANTING

MOTIVATION AND SATISFACTION YEAR ONE STUDENT IN DOING CREATIVITY,ACTIVITY AND SERVICE (CAS) SUBJECT AT KOLEJ MARA BANTING

Wan Hafizi W Kamaluddin¹
Nur Shakila Mazalan²
Shahlan Surat³

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia,
(E-mail: p119477@siswa.ukm.edu.my)

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia,
(Email: shakila@ukm.edu.my)

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia,
(E-mail: drsahlan@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 13-9-2024

Revised date : 14-9-2024

Accepted date : 10-10-2024

Published date : 15-10-2024

To cite this document:

W Kamaluddin, W. H., Mazalan, N. S., & Surat, S. (2024). Motivasi dan kepuasan pelajar tahun Satu dalam Subjek Kreatif, Aktiviti dan Perkhidmatan (CAS) di Kolej MARA Banting. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (24), 76 - 93.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti motivasi dan kepuasan pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting. Kajian ini juga mengkaji hubungan antara motivasi dan kepuasan di dalam aktiviti yang berkaitan dengan subjek CAS. Reka bentuk kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Instrument yang digunakan ialah borang soal selidik digunakan bagi mengkaji faktor motivasi yang diadaptasi oleh (Luc G. Pelletier et.al., 1995) dan manakala soal selidik mengenai kepuasan pelajar yang telah dibina oleh (Riemer dan Chelladurai, 1998) bagi mengkaji tahap kepuasan pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting. Borang soal selidik diedar melalui atas talian. Seramai 256 responden dipilih menggunakan persempelan rawak mudah bersistematik yang terdiri daripada pelajar tahun satu Kolej MARA Banting. Analisis min, sisihan piawai dan korelasi Pearson digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan ‘penglibatan dalam program CAS adalah salah satu cara yang bermanfaat untuk belajar banyak perkara dalam kehidupan seharian’ mencatatkan min yang tertinggi dengan 4.57 dan sisihan piawai adalah 0.628. Secara keseluruhannya responden bersetuju dan berada pada tahap tinggi terhadap motivasi dengan min 4.226 dan sisihan piawai adalah 0.571. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, kerjasama berpasukan adalah sangat penting dalam program CAS mencatatkan min yang tertinggi dengan 4.832 dan sisihan piawai adalah 0.441. Berpandukan kepada dapatan hasil kajian secara keseluruhannya responden bersetuju dan berada pada tahap tinggi terhadap kepuasan kerja dengan min 4.546 dan sisihan piawai adalah 0.517. Analisis korelasi Pearson bagi kepuasan kerja menunjukkan hubungan positif yang sederhana dan signifikan dengan motivasi ($r=0.672$, $p=0.000$). Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan kepuasan kerja.

Kata Kunci: *Motivasi, Kepuasan, Subjek CAS, International Baccalaurate*

Abstract: *This research aimed to identify student motivation and satisfaction in the CAS subject at MARA Banting College. It also examines the relationship between motivation and satisfaction within CAS-related activities. The survey method was used in this research, employing a questionnaire adapted from Luc G. Pelletier et al. (1995) to study motivational factors, and another questionnaire by Riemer and Chelladurai (1998) to assess student satisfaction in the CAS subject at MARA Banting College. The questionnaire was distributed online to 256 respondents selected through systematic random sampling from first-year students. Mean analysis, standard deviation, and Pearson's correlation were used to answer the research questions. The findings show that "involvement in the CAS program is a useful way to learn many things in daily life" recorded the highest mean of 4.57 with a standard deviation of 0.628. Overall, respondents agreed on a high level of motivation, with a mean of 4.226 and a standard deviation of 0.571. Additionally, findings indicate that teamwork is crucial in the CAS program, recording the highest mean of 4.832 and a standard deviation of 0.441. The respondents also agreed on a high level of job satisfaction, with a mean of 4.546 and a standard deviation of 0.517. Pearson's correlation analysis showed a moderate and significantly positive relationship between satisfaction and motivation ($r=0.672$, $p=0.000$). Therefore, there is a significant relationship between motivation and job satisfaction.*

Keywords: *Motivation, Satisfaction, Cas Subject, International Baccalaureate.*

Pengenalan

Penglibatan pelajar kolej MARA Banting dalam aktiviti CAS juga diharap dapat membentuk pelajar supaya mempunyai kestabilan emosi, berdikari dan saling menghormati tanpa mengira keturunan atau agama, pemikiran rasional serta kecergasan jasmani. CAS ialah rangka kerja untuk pembelajaran berasaskan pengalaman, direka untuk melibatkan pelajar dalam peranan baharu. Pengalaman aktiviti CAS seharusnya memberi pengalaman yang bermakna kepada semua yang terlibat. Apabila dilaksanakan dengan baik, aktiviti CAS harus mampu membawa peserta membina harga diri, keyakinan diri, membuat keputusan sendiri dan berdikari.

Latar Belakang Kajian

Program International Baccalaureate

Kolej MARA Banting adalah kolej yang menjalankan program International Baccalaureate (IB) dalam usaha mereka membantu pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan kejuruteraan di luar negara. Program IB ialah program yang terkenal kerana kurikulum yang merangkumi enam kumpulan mata pelajaran akademik dan tiga komponen utama. Mata pelajaran akademik yang dipelajari secara serentak termasuk, kumpulan 1 (bahasa A1- bahasa ibunda), kumpulan 2 (Bahasa A2 – bahasa kedua), kumpulan 3 (individu & masyarakat), kumpulan 4 (sains eksperimen), kumpulan 5 (matematik), kumpulan 6 (kesenian). Tiga komponen penting termasuk, teori pengetahuan/ theory of knowledge (TOK), Extended Essay (penyelidikan akademik), Kreativiti, Aktiviti & Perkhidmatan (CAS- setanding dengan apa yang dipanggil aktiviti Kokurikulum pelajar Malaysia biasa dengan semasa mereka di sekolah rendah dan menengah). Skop pembelajaran yang luas ini bertujuan untuk mencapai 10 profil IB berikut iaitu, bertanya, berpengetahuan, pemikir, komunikasi, berprinsip, fikiran, terbuka, penyayang, pengambil risiko, seimbang, reflektif. Bagi mencapai profil IB di atas dan dianugerahkan dengan diploma IB, pelajar bukan sahaja diharapkan cemerlang dari segi akademik, mereka juga

dikehendaki mengambil bahagian dan memenuhi syarat CAS. Sebagai pelajar IB, mereka dikehendaki mengambil bahagian dalam aktiviti CAS, secara purata, antara tiga hingga empat jam seminggu. Ini perlu dilakukan secara berterusan, sekurang-kurangnya selama tiga semester berturut-turut. Ini sememangnya memerlukan komitmen yang tinggi daripada pelajar .

Perlaksanaan Subjek Cas (Kreativiti, Aktiviti, Perkhidmatan)

Program diploma IB ialah kursus pengajian pra universiti yang ketat. Ia direka sebagai kurikulum dua tahun yang komprehensif, ia termasuk enam bidang akademik yang mengelilingi teras yang dibentuk oleh esei lanjutan, teori pengetahuan dan CAS (kreativiti, aktiviti, perkhidmatan) . Keperluan CAS adalah bahagian asas dalam semua program pelajar diploma. Kegagalan memenuhi keperluan CAS boleh menyebabkan pelajar tidak berjaya memperoleh diploma .

Apa Itu Cas

CAS ialah rangka kerja untuk pembelajaran berasaskan pengalaman, direka untuk melibatkan pelajar dalam peranan baharu. Penekanan CAS adalah pada pembelajaran dengan melakukan tugas sebenar yang mempunyai kesan sebenar dan kemudian merasai pengalaman ini dari semasa ke semasa. Proses menjalankan aktiviti CAS ini memberikan peluang yang sangat baik untuk mencapai objektif apa yang dipelajari di dalam bilik darjah.

Pengalaman CAS yang paling bermakna datang daripada meluangkan masa dengan orang lain untuk membina perhubungan dan membangunkan nilai diri kedua-dua belah pihak iaitu peserta dan penganjur. Pengalaman aktiviti CAS seharusnya memberi pengalaman yang bermakna kepada semua yang terlibat. Apabila dilaksanakan dengan baik, aktiviti CAS harus mampu membawa peserta membina harga diri, keyakinan diri, membuat keputusan sendiri dan berdikari.

Kepuasan ditakrifkan sebagai suatu keadaan dimana pengguna merasakan keperluan, keinginan dan matlamat mereka tercapai serta dapat memberikan rasa seronok kepada mereka. Menurut Gruber et al., (2010), pengalaman yang dilalui oleh pelajar dalam kehidupan kampus secara berterusan akan membentuk suatu kepuasan kepada mereka. Oleh yang demikian, kepuasan pelajar boleh ditakrifkan sebagai suatu maklumbalas ataupun respon pelajar terhadap perkara yang mereka lalui sama ada gembira atau tidak. Maklumbalas mengenai kepuasan pelajar penting untuk memastikan kualiti program yang ditawarkan adalah konsisten dan seterusnya bermanfaat untuk penambahbaikan yang berterusan.

Motivasi didefinisikan sebagai sebab yang disedari atau tidak disedari terhadap tingkah laku (Cordes & Ibrahim, 2003). Terdapat definisi yang lain yang menerangkan motivasi sebagai proses yang menjelaskan keamatan, hala tuju, dan kegigihan usaha individu ke arah mencapai matlamat (Robbins, 2003). Motivasi berbeza-beza bukan sahaja pada tahap motivasi samada tinggi atau rendah, tetapi juga orientasi motivasi tersebut seperti jenis motivasi (Deci & Ryan, 2000).

Pernyataan Masalah

Penglibatan subjek CAS mendatangkan banyak faedah, tetapi pelajar masih kurang berminat untuk menyertainya kerana mereka perlu fokus kepada pembelajaran dan aktiviti yang bersifat akademik di luar kolej sehingga mengabaikan kegiatan CAS yang dijalankan di Kolej MARA Banting. Beban akademik yang tinggi seperti tugas, projek dan ujian menyebabkan pelajar memperuntukkan masa yang banyak untuk menyiapkan tugas dan membuat persediaan terhadap ujian. Oleh sebab itu, pelajar tidak mampu meluangkan masa untuk menyertai ko-

kurikulum (Zainuddin, Daud, & Mohd Nor, 2016). Pelajar masih kurang sedar bahawa penyertaan dalam ko-kurikulum sebenarnya banyak mendatangkan manfaat. Menurut Abdul Samad, Takiyudin, Ismail, Damin dan Omar-Fauzee (2013), pelajar yang menyertai aktiviti ko-kurikulum tidak memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik, malah ia membantu mempertingkatkan pencapaian akademik kerana penyertaan dalam ko-kurikulum menjadikan badan lebih sihat dan minda lebih cergas. Setakat ini, banyak penyelidikan (Kisango, 2016; Mohamad Sari & Esa, 2017) telahpun dilakukan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam ko-kurikulum. Namun, kajian terhadap pelajar yang mengambil subjek cas masih belum dijalankan .

beberapa kajian terdahulu yang meneliti motivasi dan kepuasan pelajar dalam penglibatan aktiviti bukan akademik, terutamanya dalam program CAS di institusi yang menjalankan program International Baccalaureate (IB). Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa program seperti CAS, walaupun bertujuan untuk membina pelajar secara holistik, sering kali menghadapi cabaran dari segi tahap motivasi dan kepuasan pelajar. Sebagai contoh, kajian oleh Martínez dan Fernandez (2021) mendapati bahawa ramai pelajar merasakan beban dalam memenuhi keperluan CAS kerana jadual akademik yang padat, yang mengakibatkan tekanan dan keletihan mental. Ini menunjukkan bahawa bagi pelajar yang mempunyai komitmen akademik tinggi, CAS sering dianggap sebagai tanggungjawab tambahan yang menambah tekanan dan bukannya peluang untuk pengembangan sahsiah. Selain itu, kajian oleh Lim dan Wong (2020) mendapati bahawa tahap kepuasan pelajar terhadap program CAS berkait rapat dengan sokongan yang diterima daripada fasilitator serta kesesuaian aktiviti dengan minat mereka. Apabila aktiviti yang ditawarkan dalam CAS tidak selari dengan minat pelajar, mereka cenderung kurang bermotivasi dan kurang berpuas hati dengan pengalaman tersebut, seterusnya mengurangkan kualiti penglibatan mereka. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kekurangan variasi dan fleksibiliti dalam pilihan aktiviti boleh menyebabkan pelajar merasa terpaksa untuk memenuhi syarat CAS semata-mata, tanpa melihat nilai sebenar yang dapat diperolehi daripada pengalaman tersebut.

Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan supaya dapat memberi manfaat kepada pengurusan Kolej MARA Banting dan khususnya kepada unit CAS dalam merancang, mengurus dan mentadbir pelbagai sumber dengan lebih berkesan seperti dapat menonjolkan hubungan antara faktor motivasi dan kepuasan pelajar dalam aktiviti CAS. Kajian ini juga penting untuk membantu organisasi Kolej MARA Banting, unit CAS khususnya dalam mengenal pasti jenis motivasi yang boleh mempengaruhi kepuasan dalam aktiviti CAS. Justeru itu dapat membantu pengurusan kolej untuk lebih memahami dan oleh itu dapat mengharap, memantau dan mengurus keperluan pelajar berkenaan dengan kepuasan mereka adalah aktiviti CAS. Bagi memastikan tujuan kajian ini dicapai, objektif kajian ialah mengenal pasti faktor motivasi pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting. Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan pelajar dalam subjek CAS Kolej MARA Banting, manakala objektif terakhir adalah melihat hubungan antara motivasi dan kepuasan pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting.

Kajian Literatur

Motivasi Dan Kepuasan Pelajar Dalam Kokurikulum

Setiap individu mempunyai motivasi yang berbeza mengikut keperluan masing-masing. Motivasi adalah terbahagi kepada dua iaitu motivasi dalaman (intrinsik) dan motivasi luaran (extrinsik). Kajian oleh Jalil Moradi (2020) menyatakan setiap individu bermotivasi untuk bersukan kerana faktor dalaman seperti keseronokan, pembangunan dan penguasaan kemahiran

serta luaran faktor seperti ganjaran, kesihatan yang bertambah baik. Motivasi intrinsik merujuk kepada segala sesuatu yang mendorong dari dalam diri seseorang individu, iaitu aktiviti yang mewakili matlamat atau tujuan, manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada apa yang mendorong dari luar atau rangsangan iaitu apabila aktiviti seseorang mewakili cara untuk mencapai beberapa matlamat lain (Miran Kondrić et al, 2013). Motivasi juga merujuk kepada intensiti dan arah tingkah laku seseorang individu. Motivasi juga mempengaruhi prestasi seseorang individu dalam pelbagai situasi contohnya seseorang itu secara fizikal mampu melakukan tugas tetapi tidak pasti tentang keupayaannya untuk menangani banyak kes adalah terdapat beberapa masalah yang mendorong seseorang untuk tidak bermula dengan aktiviti riadah yang dipilih (Miran Kondrić et al, 2013).

Kajian daripada Jamaris (2010) menyatakan motivasi juga boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk tenaga ataupun desakan daripada dalaman serta perilaku manusia untuk memberi respon dalam mencapai tujuan mahupun matlamat yang telah ditetapkan dari awalnya. Motivasi adalah factor yang menjurus kepada keinginan, hasrat, kemahuan dan pendorong yang membolehkan individu itu mencapai prestasi diri sendiri dan juga orang lain (Komarudin, 2016). Motivasi adalah penting untuk kejayaan dalam sukan sama ada dalam bentuk rekreasi mahupun dalam sukan kompetitif. Alexandris (2002) menyatakan dalam membuat keputusan secara individu serta interaksi antara motivasi dan menentukan kekangan persepsi dalam ijazah serta penyertaan dalam sukan, motivasi merupakan faktor yang penting. Rendy Ramanda Sandhika Utama (2021) menyatakan seseorang yang bermotivasi tinggi akan lebih menumpukan perhatian kepada matlamat atau standard yang perlu dipenuhi untuk memberi dengan lebih banyak usaha dan kurang bergantung kepada orang lain, persekitaran, atau sumber yang diperolehi dan lebih kepada kesedaran sendiri. Semua hasrat ini akan tercapai apabila pelajar mempunyai motivasi serta berminat menyertai aktiviti-aktiviti yang telah disediakan. Kajian yang ditulis oleh (S P Vlachopoulos, 2000) menunjukkan terdapat hubungan yang positif diantara tahap motivasi, keyakinan diri serta kejayaan adalah salah satu penemuan yang konsisten dalam penyelidikan tentang seseorang yang terlibat dalam aktiviti luar dan sebagainya.

Selain itu, beberapa kajian terbaru menekankan kepentingan jangka panjang CAS dalam membina kemahiran untuk masa depan. Kajian oleh Patel dan Kumar (2023) di India mendapati bahawa pelajar lebih bermotivasi apabila mereka memahami bagaimana pengalaman dalam CAS boleh memberi manfaat kepada perkembangan sahsiah dan kerjaya mereka. Pelajar yang memahami nilai jangka panjang CAS lebih bersemangat untuk melibatkan diri, kerana mereka melihat aktiviti CAS sebagai pelaburan untuk masa depan mereka. Di samping itu, kajian oleh Martínez dan Fernandez (2021) mendapati bahawa tekanan akademik juga merupakan penghalang utama kepada motivasi pelajar dalam program CAS. Ramai pelajar melaporkan keletihan emosi dan mental akibat jadual akademik yang padat, menyebabkan mereka melihat CAS sebagai tambahan yang menambah tekanan.

Motivasi Dan Kepuasan Dalam Kreativiti

Kreativiti ditafsirkan secara imajinasi yang mungkin untuk merangkumi pelbagai jenis seni dan aktiviti lain di luar kurikulum biasa yang merangkumi pemikiran kreatif dalam reka bentuk dan melaksanakan projek perkhidmatan. Kajian daripada Russell et al. (2005) telah menyatakan penglibatan seseorang individu dalam tindakan, iaitu sesuatu yang menghubungkan seseorang dengan aktiviti kreativiti. Faktor penglibatan yang dinyatakan ini adalah terdiri daripada tiga bentuk iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif. Fredericks, et al. (2004) pula menyatakan tahap penglibatan pelajar adalah dari sudut emosi, tingkah laku dan kognitif. Tahap penglibatan pelajar dari segi emosi iaitu sama ada pelajar akan menunjukkan reaksi positif atau negatif

terhadap guru, rakan kelas, akademik dan sekolah. Manakala kajian Chapman (2003) pula menjelaskan penglibatan pelajar ialah kesediaan pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin seharian di sekolah sama ada penglibatan secara kognitif, tingkah laku dan penglibatan pelajar dalam tugas pembelajaran yang tertentu. Kajian Yazzie-Mintz (2007) juga menyatakan bahawa penglibatan pelajar boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu kognitif, intelektual atau akademik. Berdasarkan teori penglibatan Astin (1984) menjelaskan penglibatan pelajar boleh diukur secara kuantitatif berdasarkan beberapa jam pelajar menyertai dan menghadiri sebarang perjumpaan di sekolah. Sehubungan itu penglibatan pelajar juga boleh diukur secara kualitatif dengan mengambil kira pelajar itu dapat meluangkan masa untuk berfikir mengenai pengalaman perjumpaan dan pertemuan dalam sebarang aktiviti dalam kehidupannya. Kajian Astin (1984) menjelaskan maksud penglibatan sebagai kadar tenaga fizikal dan psikologi yang digunakan oleh pelajar berhubung dengan pengalaman akademik individu. Hasil dari kajian Mohanaraju (2012) menjelaskan minat murid terhadap aktiviti kokurikulum khususnya badan beruniform yang disertai menunjukkan bahawa kumpulan yang berminat berada pada tahap yang sederhana.

Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelajar dalam CAS bergantung kepada kesesuaian aktiviti dengan minat mereka. Kajian O'Connor dan Franklin (2022) di Eropah mendapati bahawa pelajar yang diberi kebebasan untuk memilih aktiviti berdasarkan minat peribadi menunjukkan kepuasan yang lebih tinggi. Fleksibiliti dalam pemilihan aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan minat mereka, tetapi juga menyokong penglibatan mereka dengan lebih mendalam. Kajian Hassan dan Mahmood (2021) pula menekankan bahawa budaya turut mempengaruhi kepuasan pelajar terhadap CAS. Di Timur Tengah, pelajar lebih berpuas hati apabila aktiviti CAS selari dengan budaya setempat dan nilai peribadi mereka. Ini menunjukkan bahawa program CAS perlu disesuaikan dengan budaya tempatan agar relevan dan bermakna bagi pelajar yang berbeza latar belakang

Pelajar akan terlibat dalam aktiviti berkumpulan dan terutamanya dalam tanggungjawab dan peranan baru yang diberikan. Namun begitu, komitmen individu untuk mempelajari sesuatu seni adalah dibenarkan, di mana ia menghormati keperluan untuk melakukan aktiviti CAS serta matlamat ditetapkan. Contoh aktiviti yang melibatkan kreativiti di Kolej MARA Banting ialah persembahan drama, penulisan akhbar, majalah sastera, pancaragam (jazz), pertandingan pidato, penghasilan buku tahunan dan banyak lagi. Aktiviti luar kolej mungkin termasuk program di pusat kanak-kanak istimewa di sekitar Banting, Klang, kumpulan muzik bukan sekolah, mengambil pelajaran dalam bahasa, instrumen atau tarian selagi aktiviti yang boleh memupuk perkembangan kemahiran baharu dan bukannya kesinambungan kemahiran yang telah diperoleh.

Motivasi Dan Kepuasan Aktiviti Sukan

Aktiviti seperti penyertaan dalam ekspedisi, aktiviti fizikal sukan individu dan pasukan di luar kurikulum biasa. Ia juga termasuk aktiviti fizikal yang terlibat dalam melaksanakan projek kreatif dan perkhidmatan. Aktiviti mungkin melibatkan penyertaan dalam sukan atau aktiviti lain yang memerlukan usaha fizikal seperti perjalanan ekspedisi dan perkhemahan, atau menggali parit untuk memasang paip air untuk membawa air tawar ke kampung. Pelajar perlu melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan dan pasukan untuk menjalankan rancangan aktiviti baharu tetapi komitmen individu boleh diterima apabila keperluan umum CAS dipenuhi matlamat ditetapkan. Pelbagai aktiviti sukan luar kurikulum telah disediakan oleh pihak sekolah pelajar juga boleh memasukkan aktiviti luar sekolah dengan syarat keperluan CAS dipenuhi. Penglibatan sukan sewaktu di sekolah menengah berpotensi untuk memperkayakan setiap individu memperoleh keseluruhan pengalaman dalam pendidikan, sambil memastikan kejayaan

akademiknya sentiasa dilihat sebagai keutamaan tertinggi (Favor, 2012). Katie Schultz (2016) menyatakan penyertaan sukan dan masa yang dihabiskan untuk berlatih dan bertanding mempunyai keupayaan berfungsi sebagai saluran pembelajaran tambahan. Temu bual yang dibuat dalam kajian (DeMeulenaere, 2010) terhadap empat orang pelajar dari sekolah awam di sebuah sekolah bandar daerah di utara California, serta keluarga dan rakan mereka untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang penglibatan sukan dan bagaimana ia membantu dalam mengharungi cabaran dalam membangunkan yang positif dan jati diri yang berjaya sebagai seorang pelajar. Hasil kajian mendapati penyertaan mereka dalam sukan sekolah menjadi mereka lebih kuat dan faktor pendorong apabila datang kepada pertumbuhan aspirasi di kolej.

Motivasi Dan Kepuasan Perkhidmatan Kesukarelawan

Projek dan aktiviti perkhidmatan selalunya merupakan elemen yang paling penting dalam Program Diploma IB .Biasanya dikenali sebagai aktiviti kemasyarakatan. Setiap pelajar mempunyai potensi untuk mempengaruhi masyarakat global. Aktiviti kemasyarakatan ini melibatkan interaksi seperti membina hubungan dengan individu atau kumpulan dalam komuniti. Komuniti mungkin sekolah, daerah tempatan atau mungkin wujud di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Aktiviti kemasyarakatan bukan sahaja melibatkan pelajar melakukan sesuatu untuk orang lain tetapi juga melakukan sesuatu dengan orang lain dengan tujuan membantu membangunkan sosioekonomi sesuatu tempat. Oleh itu,aktiviti kemasyarakatan dapat meningkatkan perhubungan sosial dengan menunjukkan rasa hormat terhadap diri ,orang lain dan masyarakat sekitar.

Kajian oleh Brown dan Lai (2019) menunjukkan bahawa pelajar di Asia menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan akademik dan aktiviti CAS secara serentak, sehingga mereka menganggap CAS sebagai beban tambahan dan bukan sebagai peluang untuk pembangunan diri. Pelajar sering berasa tertekan kerana perlu memenuhi keperluan CAS di samping tanggungjawab akademik yang berat. Sementara itu, kajian Smith dan White (2020) di Amerika Utara mendapati bahawa motivasi pelajar meningkat apabila mereka menerima sokongan dan bimbingan daripada fasilitator. Apabila pelajar merasakan mereka mendapat panduan yang kukuh, mereka lebih motivasi untuk melibatkan diri dengan bermakna dalam aktiviti CAS.

Motivasi individu untuk terlibat dalam kesukarelawanan bermaksud sebab atau alasan yang diberikan oleh seseorang individu untuk terlibat dalam kesukarelawanan (Clary & Snyder, 1999). Hasil kajian Rehberg (2005) menjelaskan terdapat dimensi-dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan yang bermaksud pertumbuhan kumpulan oleh belia untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Manakala kajian oleh Gage III dan Thapa (2012) menyatakan dimensi-dimensi motivasi terlibat dalam kesukarelawanan sebagai kategori penyebab yang diberikan oleh pelajar untuk terlibat dalam kesukarelawanan yang terdiri daripada nilai peribadi, sosial, Pembangunan sahsiah, peningkatan diri, pembelajaran dan perlindungan diri. Dalam kajian ini, dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan bermaksud kumpulan sebab yang diberikan oleh pelajar untuk terlibat dalam subjek CAS . Sehubungan dengan itu terdapat lima dimensi motivasi terlibat dalam kesukarelawanan yang diambil kira dalam kajian lepas iaitu dimensi motivasi nilai peribadi, kerjaya, sosial, peningkatan diri dan pembelajaran.

Kajian daripada Surjit Singh (2004) telah mendefinisikan bahawa kesukarelawanan sebagai suatu tindakan untuk menyediakan khidmat atau membantu tanpa ada bayaran yang diterima dan dilakukan secara sekali-sekala mahupun kerap. Sehubungan itu tindakan tersebut dilakukan dalam bentuk masa,khidmat atau kemahiran kepada badan bukan Kerajaan (NGO) contohnya masyarakat, komuniti, kebajikan, pendidikan, politik dan kelab. Hasil kajian Azizan Bahari

(2005) mendefinisikan kesukarelawanan sebagai suatu khidmat atau sumbangan yang dilakukan secara sukarela iaitu dengan rela hati, tanpa paksaan serta dengan niat ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran material.

Metodologi

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif. Tajuk perbincangan meliputi rekabentuk kajian, populasi dan sampel kajian, pengukuran dan instrument kajian dan teknik penganalisaan data. Untuk mencapai objektif kajian, data yang sesuai dan relevan telah dikumpulkan. Berikut adalah maklumat lanjut mengenai metodologi kajian. Reka bentuk kajian yang digunakan ini adalah berbentuk kajian tinjauan deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Menurut Rea & Parker (2014) menyatakan rekabentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif merupakan kaedah yang paling sesuai untuk memungut data daripada sejumlah responden yang ramai dalam masa yang singkat. Hasil maklumat tinjauan yang diperolehi daripada sampel kajian kemudiannya digunakan untuk menerangkan ciri-ciri sesebuah populasi.

Pemilihan Kolej MARA Banting sebagai lokasi kajian kerana beberapa faktor utama yang menjadikannya sesuai dan relevan. Kolej MARA Banting merupakan salah satu institusi di Malaysia yang menawarkan program International Baccalaureate (IB) dengan pendekatan komprehensif, termasuk komponen Creativity, Activity, Service (CAS) yang wajib diikuti oleh semua pelajar. Program ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah. Selain itu, kolej ini merupakan kolej persediaan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke luar negara, terutama dalam bidang sains dan sains iktis, yang memerlukan mereka mempunyai profil IB yang kukuh termasuk penglibatan aktif dalam CAS. Di samping itu, struktur dan pelaksanaan CAS di Kolej MARA Banting dijalankan dengan sistematik, diiringi bimbingan dan sokongan daripada pensyarah penasihat yang terlatih, menjadikan kolej ini lokasi ideal untuk mengkaji tahap motivasi dan kepuasan pelajar. Pemilihan pelajar tahun satu juga memberi peluang untuk mendapatkan perspektif segar dan tulen terhadap program CAS tanpa terlalu banyak pengaruh pengalaman sebelumnya. Hasil kajian ini boleh memberikan input berguna kepada pihak pengurusan Kolej MARA Banting untuk mempertingkatkan program CAS dan memastikan ia lebih relevan serta berkesan dalam menyokong matlamat IB untuk melahirkan pelajar serba boleh.

Dalam kajian ini, populasi adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikut program International Baccalaurate di Kolej MARA Banting yang mengambil subjek CAS dan mengikuti program selama 2 tahun di kolej MARA Banting sebelum meneruskan pengajian ke luar negara. Pelajar ini merupakan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang mempunyai keputusan yang cemerlang dan dipilih untuk mengikuti program di Kolej MARA Banting. Sehubungan dengan itu, populasi kajian ini adalah terdiri daripada 327 pelajar tahun satu Kolej MARA Banting sahaja. Jumlah responden adalah seramai 190 orang di mana jumlah pemilihan sampel ini merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sehubungan itu pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak sistematik. Persampelan rawak sistematik ialah sampel yang diperolehi dengan memilih unsur secara rawak.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan melalui Google Form sebagai kaedah utama bagi pengumpulan data. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini adalah berdasarkan soalan kaji selidik yang disediakan oleh penyelidik. Terdapat 3 bahagian dalam soal selidik. Bahagian A adalah latarbelakang responden. Bahagian B adalah Bahagian Motivasi., terdapat 15 item soalan yang

berdasarkan soal selidik oleh (Luc G. Pelletier et.al., 1995) Journal of Sport & Exercise Psychology, 17, 35-53 telah diubah suai bagi memudahkan pemahaman pelajar terhadap soalan soal selidik. Soal selidik ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana faktor motivasi pelajar yang melibatkan diri dalam CAS. Manakala bahagian C adalah soal selidik mengenai kepuasan pelajar yang telah dibina oleh (Riemer dan Chelladurai, 1998). Terdapat 15 item soal selidik bagi telah diubah suai bagi memudahkan pemahaman responden. Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 23.0) digunakan untuk analisis data seperti analisis diskriptif, analisis kebolehpercayaan, dan analisis korelasi untuk mendapatkan dapatan kajian hubungan motivasi dan kepuasan pelajar tahun satu dalam subjek CAS kolej MARA Banting.

Dapatan Kajian

Responden adalah terdiri daripada 256 orang pelajar. Ini adalah untuk menganalisa taburan ciri-ciri responden seperti jantina, bidang pengajian, sekolah terdahulu dan pendapatan keluarga. Jadual 1 adalah taburan ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 124 (48.4%) responden adalah lelaki dan 132 (51.6%) responden adalah perempuan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah perempuan dan minoriti responden adalah lelaki. Bagi bidang pengajian, didapati bahawa seramai 146 (57%) responden adalah bidang Sains dan 110 (43%) responden adalah bidang Sains Ikhtisas. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah bidang Sains dan minoriti responden adalah bidang Sains Ikhtisas. Seterusnya bagi sekolah terdahulu menunjukkan bahawa 87 (34%) responden adalah dari MRSM diikuti 97 (37.9%) responden adalah dari asrama penuh, 23 (9%) responden adalah sekolah agama aliran agama dan 49 (19.1%) responden adalah sekolah harian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden adalah dari asrama penuh dan minority responden adalah dari sekolah asrama aliran agama. Kemudian bagi pendapatan keluarga menunjukkan bahawa seramai 17 (6.6%) responden adalah RM 1000 ke bawah, 23 (9%) responden adalah antara RM1000 hingga RM2999 dan antara RM3000 hingga RM4999, 74 (28.9%) responden adalah antara RM5000 hingga RM9999 dan 119 (46.5%) responden adalah RM10000 ke atas. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden adalah RM10000 ke atas dan minoriti responden adalah RM1000 ke bawah

Jadual 1 : Taburan Ciri-Ciri Demografi.

	Demografi	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	124	48.4
	Perempuan	132	51.6
Bidang Pengajian	Sains	146	57.0
	Sains Ikhtisas	110	43.0
Sekolah Terdahulu	MRSM	87	34.0
	Asrama Penuh	97	37.9
	Sekolah Asrama Aliran Agama	23	9.0
	Sekolah Harian	49	19.1
Pendapatan Keluarga	Bawah RM1000	17	6.6
	RM1000-RM2999	23	9.0
	RM3000-RM4999	23	9.0
	RM5000-RM9999	74	28.9
	RM10000 ke atas	119	46.5

Mengenalpasti tahap motivasi pelajar tahun 1 terhadap subjek CAS di Kolej Mara Banting.

Dapatan bagi motivasi melaporkan bahawa peratusan yang tertinggi adalah responden sangat setuju terhadap pernyataan “saya lebih bermotivasi apabila dapat menguasai suatu Teknik yang susah ketika program CAS” (63.7%) diikuti “Penglibatan dalam program CAS adalah salah satu cara yang bermanfaat untuk belajar banyak perkara dalam kehidupan seharian” (62.9%). Selain itu, responden juga sangat setuju terhadap “Saya seronok belajar perkara baharu dalam program CAS yang saya tidak pernah cuba sebelum ini” dan “Saya seronok semasa melakukan sesuatu aktiviti dalam program CAS” (61.7%). Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, “Penglibatan dalam program CAS adalah salah satu cara yang bermanfaat untuk belajar banyak perkara dalam kehidupan seharian” mencatatkan min yang tertinggi dengan 4.57 dan sisihan piawai adalah 0.628. Manakala pernyataan “Dahulu saya mempunyai banyak sebab yang kuat untuk program CAS tetapi sekarang saya bertanya diri sendiri jika saya perlu terus melakukannya” mencatatkan min yang terendah dengan 3.242 dan sisihan piawai adalah 1.448. Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada jadual di bawah dan secara keseluruhannya responden bersetuju dan berada pada tahap tinggi terhadap motivasi dengan min 4.226 dan sisihan piawai adalah 0.571.

Jadual 2 : Motivasi.

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
Saya lebih bermotivasi kerana dapat mengetahui lebih lanjut mengenai program CAS yang saya sertai.	2 (0.8%)	4 (1.6%)	13 (5.1%)	83 (32.4%)	154 (60.2%)	4.496	0.735
Saya lebih bermotivasi apabila dapat menguasai suatu teknik yang susah ketika program CAS.	1 (0.4%)	5 (2%)	12 (4.7%)	75 (29.3%)	163 (63.7%)	4.539	0.712
Saya lebih bermotivasi apabila melakukan program CAS.	3 (1.2%)	2 (0.8%)	24 (9.4%)	86 (33.6%)	141 (55.1%)	4.406	0.786
Saya lebih bermotivasi untuk bertemu dengan rakan baru semasa menyertai program CAS.	2 (0.8%)	3 (1.2%)	23 (9%)	71 (27.7%)	157 (61.3%)	4.476	0.771
Saya lebih bermotivasi untuk membuat aktiviti CAS bagi meningkatkan keyakinan diri saya.	2 (0.8%)	3 (1.2%)	15 (5.9%)	78 (30.5%)	58 (61.7%)	4.511	0.73
Program CAS membuatkan saya lebih dihormati oleh orang yang saya kenal.	7 (2.7%)	9 (3.5%)	56 (21.9%)	74 (28.9%)	110 (43%)	4.058	1.017

Dahulu saya mempunyai banyak sebab yang kuat untuk program CAS, tetapi sekarang saya bertanya diri sendiri jika saya perlu terus melakukannya.	43 (16.8%)	42 (16.4%)	54 (21.1%)	44 (17.2%)	73 (28.5%)	3.242	1.448
Saya seronok belajar perkara baharu dalam program CAS yang saya tidak pernah cuba sebelum ini.	2 (0.8%)	0 (0%)	11 (4.3%)	85 (33.2%)	158 (61.7%)	4.55	0.654
Saya rasa seronok semasa melakukan sesuatu aktiviti dalam program CAS	1 (0.4%)	2 (0.8%)	10 (3.9%)	85 (33.2%)	158 (61.7%)	4.55	0.648
Saya sangat bermotivasi ketika program CAS berbanding belajar di kelas semata-mata.	4 (1.6%)	11 (4.3%)	38 (14.8%)	60 (23.4%)	143 (55.9%)	4.277	0.972
Penglibatan dalam program CAS adalah salah satu cara yang bermanfaat untuk belajar banyak perkara dalam kehidupan seharian saya.	1 (0.4%)	1 (0.4%)	10 (3.9%)	83 (32.4%)	161 (62.9%)	4.57	0.628
Program CAS amat penting jika seseorang ingin mengekalkan bentuk badan yang ideal.	5 (2%)	12 (4.7%)	45 (17.6%)	79 (30.9%)	115 (44.9%)	4.121	0.988
Saya ingin menunjukkan kepada orang lain kehebatan saya dalam aktiviti program CAS.	21 (8.2%)	31 (12.1%)	56 (21.9%)	63 (24.6%)	85 (33.2%)	3.625	1.28
Saya sering bertanya kepada diri sendiri iaitu adakah saya tidak dapat mencapai matlamat yang saya tetapkan untuk diri sendiri.	21 (8.2%)	40 (15.6%)	58 (22.7%)	59 (23%)	78 (30.5%)	3.519	1.292
Saya sangat berminat dan tertarik dengan aktiviti CAS yang saya sertai.	0 (0%)	4 (1.6%)	20 (7.8%)	87 (34%)	145 (56.6%)	4.457	0.707
Keseluruhan						4.226	0.571

Mengenalpasti tahap kepuasan pelajar tahun 1 terhadap subjek CAS di Kolej Mara Banting.

Dapatan bagi kepuasan pelajar melaporkan bahawa peratusan yang tertinggi adalah responden sangat setuju terhadap pernyataan “Saya berpendapat Kerjasama berpasukan adalah sangat penting dalam program CAS” (84.8%) diikuti dengan pernyataan “Saya berpuas hati apabila penasihat memberi layanan baik terhadap saya” (70.7%). Selain itu, responden juga sangat bersetuju terhadap pernyataan “Saya berpuas hati apabila terdapat peningkatan dalam tahap Kemahiran saya dalam program CAS” (67.25) dan “Saya berpuas hati apabila kumpulan saya dapat mencapai matlamat pada tahun ini” serta “Saya berpuas hati dengan sokongan moral daripada penasihat saya” (65.6%). Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, “Saya berpendapat Kerjasama berpasukan adalah sangat penting dalam program CAS” mencatatkan min yang tertinggi dengan 4.832 dan sisihan piawai adalah 0.441. Manakala pernyataan “Saya berpuas hati dengan keseluruhan program CAS pada tahun ini” mencatatkan min yang terendah dengan 4.30 dan sisihan piawai adalah 0.751. Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada jadual di bawah dan secara keseluruhannya responden bersetuju dan berada pada tahap tinggi terhadap kepuasan kerja dengan min 4.546 dan sisihan piawai adalah 0.517.

Jadual 3 : Kepuasan Kerja.

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
Saya berpendapat kerjasama berpasukan adalah sangat penting dalam program CAS.	1 (0.4%)	0 (0%)	1 (0.4%)	37 (14.5%)	217 (84.8%)	4.832	0.441
Saya berpuas hati dengan keseluruhan program CAS pada tahun ini.	1 (0.4%)	3 (1.2%)	30 (11.7%)	106 (41.4%)	116 (45.3%)	4.3	0.751
Saya berpuas hati apabila kumpulan saya dapat mencapai matlamat pada tahun ini.	1 (0.4%)	4 (1.6%)	14 (5.5%)	69 (27%)	168 (65.6%)	4.558	0.706
Saya berpuas hati apabila mendapat pengiktirafan daripada penasihat saya.	3 (1.2%)	2 (0.8%)	14 (5.5%)	74 (28.9%)	163 (63.7%)	4.531	0.74
Saya berpuas hati apabila penasihat memberi layanan baik terhadap saya	2 (0.8%)	0 (0%)	8 (3.1%)	65 (25.4%)	181 (70.7%)	4.652	0.62
Saya berpuas hati dengan tahap penghargaan yang diberikan oleh penasihat kepada saya apabila saya lakukan yang terbaik.	1 (0.4%)	4 (1.6%)	13 (5.1%)	75 (29.3%)	163 (63.7%)	4.543	0.701
Saya berpuas hati apabila penasihat menunjukkan komitmen dan tanggungjawab terhadap saya.	1 (0.4%)	3 (1.2%)	30 (11.7%)	106 (41.4%)	116 (45.3%)	4.546	0.706

Saya berpuas hati dengan sokongan moral daripada penasihat saya.	3 (1.2%)	1 (0.4%)	14 (5.5%)	76 (29.7%)	162 (63.3%)	4.535	0.724
Saya berpuas hati dengan maklumat yang saya terima daripada penasihat.	3 (1.2%)	0 (0%)	15 (5.9%)	72 (28.1%)	166 (64.8%)	4.554	0.711
Saya berpuas hati dengan arahan yang saya terima dari penasihat sepanjang tahun ini.	3 (1.2%)	1 (0.4%)	12 (4.7%)	85 (33.2%)	155 (60.5%)	4.515	0.713
Saya berpuas hati dengan tunjuk ajar penasihat mengenai program CAS saya.	2 (0.8%)	1 (0.4%)	15 (5.9%)	72 (28.1%)	166 (64.8%)	4.558	0.694
Saya berpuas hati dengan pencapaian matlamat program CAS saya sepanjang tahun ini.	1 (0.4%)	3 (1.2%)	21 (8.2%)	82 (32%)	149 (58.2%)	4.464	0.729
Saya berpuas hati dengan peningkatan program CAS saya berbanding tahun sebelumnya.	2 (0.8%)	3 (1.2%)	20 (7.8%)	74 (28.9%)	157 (61.3%)	4.488	0.756
Saya berpuas hati apabila terdapat peningkatan dalam tahap kemahiran saya dalam program CAS.	1 (0.4%)	0 (0%)	10 (3.9%)	73 (28.5%)	172 (67.2%)	4.621	0.601
Saya berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan.	0 (0%)	7 (2.7%)	17 (6.6%)	73 (28.5%)	159 (62.1%)	4.5	0.74
Keseluruhan						4.546	0.517

Mengenalpasti hubungan antara motivasi dan kepuasan pelajar terhadap subjek CAS di Kolej Mara Banting

Jadual 4 menunjukkan hubungan antara motivasi dan kepuasan kerja. Analisis korelasi Pearson bagi kepuasan kerja menunjukkan hubungan positif yang sederhana dan signifikan dengan motivasi ($r=0.672$, $p=0.000$). Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan kepuasan kerja

Jadual 4 : Hubungan antara motivasi dan kepuasan kerja

		Kepuasan Kerja
Motivasi	Korelasi Pearson	0.672
	Sig. (2-tailed)	0.000
	N	256

Perbincangan Dan Kesimpulan

Kajian ini memberi fokus kepada hubungan antara motivasi dan kepuasan pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting. Penyelidik akan mengenalpasti tahap motivasi pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting. Kajian ini juga penting untuk membantu organisasi Kolej MARA Banting, unit CAS khususnya dalam mengenal pasti jenis motivasi yang boleh mempengaruhi kepuasan dalam aktiviti CAS. Justeru itu dapat membantu pengurusan kolej untuk lebih memahami dan oleh itu dapat mengharapkan, memantau dan mengurus keperluan pelajar berkenaan dengan kepuasan mereka adalah aktiviti CAS. Bagi memastikan tujuan kajian ini dicapai, objektif kajian ialah mengenal pasti faktor motivasi pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting. Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan pelajar dalam subjek CAS Kolej MARA Banting, manakala objektif terakhir adalah melihat hubungan antara motivasi dan kepuasan pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting.

Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi keseluruhan responden bersetuju dengan tahap motivasi pelajar berada pada tahap yang tertinggi dengan min 4.226 dan sisihan piawai adalah 0.571. Hasil dapatan juga menyokong kajian yang lepas dimana faktor motivasi dilihat sebagai elemen yang penting di dalam penyertaan aktiviti kerana ia membantu untuk memahami objektif pelaksanaan aktiviti tersebut yang dapat mempengaruhi tingkah laku (Whiting, Pawelko, Green & Larson, 2011). Motivasi yang tinggi akan menunjukkan semangat yang kuat pada individu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan yang diinginkan sehingga membolehkan seseorang berusaha melakukan sesuatu dalam suatu aktiviti. Motivasi amat penting untuk berjaya dalam bidang sukan tidak kira untuk tujuan rekreasi ataupun untuk sukan yang kompetitif (Matsumoto dan Takenaka, 2004). Dapatan bagi motivasi melaporkan bahawa peratusan yang tertinggi adalah responden sangat setuju terhadap pernyataan “saya lebih bermotivasi apabila dapat menguasai suatu teknik yang susah ketika program CAS” (63.7%). Ini dapat dilihat bahawa subjek CAS merupakan subjek yang boleh menarik minat motivasi kepada pelajar yang ingin menceburi aktiviti yang Baharu. Tahap keinginan pelajar untuk memperkembangkan tahap kemahiran mereka dalam bidang kokurikulum merupakan penerak utama untuk pelajar ini. Faktor perkembangan ini dikategorikan sebagai factor motivasi intrinsik seorang pelajar itu. Keinginan ini datang dari diri pelajar itu sendiri. Pelajar lelaki dan perempuan sama mempunyai faktor memperkembangkan kemahiran ini dalam memberi pengaruh kepada penglibatan mereka. Menurut Matsumoto & Takenaka, (2004) menyatakan bahawa motivasi amat penting untuk berjaya dalam bidang sukan tidak kira untuk tujuan rekreasi ataupun untuk sukan yang kompetitif.

Faktor jantina juga penting dalam penyertaan aktiviti CAS. Berdasarkan kajian lepas pula menyatakan motivasi penyertaan sukan terhadap sukan individu dan kumpulan, dinyatakan bahawa penemuan yang paling penting dalam kajian (Jalil Moradi, 2020) ialah terdapat perbezaan yang signifikan antara komponen motivasi penyertaan sukan dan atlet individu, lelaki cenderung terhadap aktiviti pada tahap pertandingan dan perempuan cenderung untuk mengikuti sukan kerana matlamat kesihatan, kecergasan dan persahabatan. Remaja lelaki menyertai aktiviti sukan dengan konsep yang lebih meluas dan terbuka berbanding perempuan yang lebih spesifik kepada sesuatu benda sahaja. Dapatan ini konsisten dengan kajian lepas daripada Tommy Katum (2023) menunjukkan bahawa pelajar lelaki menunjukkan motivasi dan tahap penglibatan yang tinggi dalam aktiviti kokurikulum berbanding dengan pelajar perempuan menganggap menyertai sukan adalah secara berbeza dan mempunyai tahap minat yang pelbagai. Pengkaji dapat merumuskan aktiviti CAS yang disertai oleh para pelajar lebih menarik minat golongan remaja masa kini kerana berupaya menjadi platform untuk meningkatkan pembangunan diri dalam pelbagai aspek.

Dapatan seterusnya ialah data melaporkan bahawa peratusan yang tertinggi adalah responden sangat setuju terhadap pernyataan “Saya berpendapat kerjasama berpasukan adalah sangat penting dalam program CAS” (84.8%). Aktiviti CAS memerlukan kerja berpasukan bagi mencapai matlamat CAS itu sendiri. Kebanyakan aktiviti memerlukan kerjasama.

Dapatan daripada responden “Saya berpuas hati apabila penasihat memberi layanan baik terhadap saya” (70.7%). Selain itu, responden juga sangat bersetuju terhadap pernyataan “Saya berpuas hati apabila terdapat peningkatan dalam tahap Kemahiran saya dalam program CAS” (67.25) dan “Saya berpuas hati apabila kumpulan saya dapat mencapai matlamat pada tahun ini” serta “Saya berpuas hati dengan sokongan moral daripada penasihat saya” (65.6%). Ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Norlena, Muhd Taib dan Nur Asmara (2013) pula mendakwa keberkesanan pengurusan aktiviti kokurikulum adalah bergantung dengan kompetensi guru tersebut menguruskan aktiviti. Tambahan pula, guru-guru didapati mempunyai kompetensi yang tinggi dalam aspek pengetahuan, perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti kokurikulum. Namun, kompetensi guru dalam pengurusan kokurikulum yang tertinggi adalah penilaian, diikuti dengan pelaksanaan dan pengetahuan, manakala guru mempunyai kompetensi yang terendah bagi aspek perancangan aktiviti CAS.

Seterusnya analisis korelasi Pearson bagi kepuasan kerja menunjukkan hubungan positif yang sederhana dan signifikan dengan motivasi ($r=0.672$, $p=0.000$). Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan kepuasan kerja.

Kajian ini telah menyumbang pelbagai pengetahuan, fakta, dan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor motivasi dan kepuasan pelajar tahun satu dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting. Pengkaji berharap kajian yang lebih meluas dilakukan dalam kalangan pelajar dari kolej kolej yang mempunyai subjek yang sama dan berlainan responden serta latarbelakang demografik. Terdapat beberapa institusi pendidikan di Malaysia yang menjalankan program Diploma International Baccalaureate. Penyelidikan ini juga boleh menjalani kajian pembangunan lanjutan dengan memberi tumpuan kepada tahap umur dan responden yang berbeza yang mungkin mempunyai minat yang berbeza terhadap subjek CAS. Selain itu, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan meneliti berkaitan faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi motivasi penyertaan pelajar aktiviti CAS. Hal ini kerana terdapat faktor lain yang dikenal pasti mampu mempengaruhi motivasi adalah seperti sokongan organisasi atau individu lain secara dalaman dan luaran yang tidak mempunyai kajian meluas terhadap pelajar. Seterusnya, kajian lanjutan boleh menggunakan kajian berbentuk kualitatif seperti temu bual. Hal ini kerana kajian yang menggunakan temu bual lebih mendalam dan dapatan yang diperoleh akan lebih variasi. Kesannya, pengkaji dapat melusuri persoalan kajian dengan lebih terperinci dan meluas. Pengkaji juga bukan sahaja boleh menemu bual para pelajar malah mengambil kira persepsi dari pihak pengurusan itu juga dalam menyokong penglibatan pelajar dalam subjek CAS. Banyak kajian dan penyelidikan yang perlu dilakukan pada masa hadapan agar bertambah baik dengan pengetahuan dan kualiti yang lebih tinggi tentang hubungan antara motivasi dan kepuasan pelajar dalam subjek CAS di Kolej MARA Banting.

Rujukan

- Zarawi, N. A. A. & Lian, D. K. C. (2023). Hubungan antara motivasi penyertaan sukan dan prestasi akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(21), 42 - 62.
- Surjit Singh S/O Uttam Singh, Rahim M. Sail, Bahaman Abu Samah, Raja Ahmad Tajudin Shah & Linda A. Lumayag. (2005). Debunking the myth: the involvement of Malaysian retirees in volunteerism. *Pertanika Journal Social Science and Humanities*, 13 (2), 159-171.
- Azizi Yahya, S. H. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisis, Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- KATUM, Tommy; MUHAMAD, Tajul Arifin. Motivasi dan Tahap Penglibatan Pelajar Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum Semasa Fasa Endemik di Daerah Saratok. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, [S.l.], v. 5, n. 2, p. 113-128, June 2023. ISSN 2682-8138.
- Gruber et al (2010) Examining Student Satisfaction with Higher Education Services: Using A New Measurement Tool March 2010 *International Journal of Public Sector Management* 23(2):105-123 March 2010 23(2):105-123
- Cordes, K. A., & H. M. Ibrahim (2003). *Application in Recreation and Leisure for Today and in the Future* (3rd Ed.). Boston: WCB/McGraw-Hill.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
- Robbins, S.P. (2003). *Organisational Behaviour* (10th ed.). San Diego: Prentice Hall.
- Zainuddin, Z. A., Daud, Y., & Mohd Nor, S. A. (2016). PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN TAHAP PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KUALA TERENGGANU. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), .
- Abdul Samad, S., Takiyudin, M. A., Ismail, H., Damin, Z. A. & Omar-Fauzee M. S. (2013). Kesan Aktiviti Kokurikulum Terhadap Pembinaan Potensi Kendiri Pelajar di Kolej Komuniti. Dicapai pada November 11, 2019
- Mohamad Sari, N. & Esa, A. (2017). Factors Affecting Students Participation in Extra-curricular, *Elixir Psychology*, 107, 46960-46962
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970) Determining Sample Size for Research Activities, *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Komarudin (2015). *Psikologi Olahraga*. PT Remaja Rosdakarya, Bandung Jamaris Martini, Orientasi Baru dalam Psikologi Pendidikan, Jakarta Pusat: Yayasan Penamas Murni, 2010.
- Alexandris, K., Zahariadis, P., Tsozatzoudis, C., & Grouios, G. (2002). Testing the Sport Commitment Model in the context of exercise and fitness participation. *Journal of Sport Behavior*, 25(3), 217–230.
- Jalil Moradi, A. B. (2020). Motivation for Participation in Sports Based on Athletes in Team and Individual Sports. *Physical Culture and Sport, Studies and Research*(85), 14-21. doi:10.2478/pcssr-2020-0002
- Miran Kondrič, J. S.-M. (2013). Participation Motivation and Student’s Physical Activity among Sport Students in Three Countries. *Journal of Sports Science and Medicine*(12), 10-18.
- S P Vlachopoulos, C. I. (2000). Motivation profiles in sport: a self-determination theory perspective. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 71(4), 387-97
- Russell, V. J., Ainley, M., & Frydenberg, E. (2005). Student motivation and engagement. *Schooling Issues Digest*. Australian Government, Department of Education, Science and Training.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School Engagement: Potential of the Concept, State of the Evidence. *Review of Educational Research*, 74(1), 59–109.

- Mohanaraju Annamalai. 2012, Pengaruh Sokongan Keluarga dalam Penglibatan Ko-kurikulum Sekolah terhadap Pencapaian Kemahiran Insaniah Murid. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA.
- Favor, A. L. (March, 2012). Comparing the Academic Performance of High School Athletes and Non-Athletes in Kansas in 2008-2009. *Journal of Sport Administration & Supervision (JSAS)*, 4(1), 41-62.
- DeMeulenaere E. Playing the game: sports as a force for promoting improved academic performance for urban youth. *J Cult Divers*. 2010 Winter;17(4):127-35. PMID: 22303647.
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156–159.
- Rehberg, W. (2005). Altruistic individualists: Motivations for international volunteering among young adults in Switzerland. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 16 (2), 109-122.
- Age, R. L., & Thapa, B. (2012). Volunteer Motivations and Constraints Among College Students: Analysis of the Volunteer Function Inventory and Leisure Constraints Models. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 41(3), 405-430.
- Uttam Singh, S. S. (2004). Volunteerism among Retirees: A Potential Resource for Community Development.
- Siti Nathrah, C. F., & Fuziah, S. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan: Satu kajian literatur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 25-38.
- Pelletier, L. G., & Sarrazin, P. (2007). Measurement issues in self-determination theory and sport. In M. S. Hagger & N. L. D. Chatzisarantis (Eds.), *Intrinsic motivation and self-determination in exercise and sport* (pp. Human Kinetics).
- Chelladurai, P., & Reimer, H. A. (1998). Measurement of Leadership in Sport. In J. Duda (Ed.), *Advances in Sport and Exercise Psychology measurement* (pp. 227-253). Fitness Information Technology.
- Martínez, R., & Fernandez, L. (2021). Motivasi pelajar dalam penglibatan aktiviti CAS di institusi IB. *Jurnal Pendidikan Antarabangsa*, 12(3), 213-230.
- Lim, S., & Wong, T. (2020). Faktor-faktor kepuasan pelajar terhadap program CAS: Sokongan fasilitator dan minat pelajar. *Jurnal Pembangunan Pelajar*, 8(2), 75-89.
- Brown, K., & Lai, Y. (2019). Persepsi pelajar Asia terhadap keperluan CAS dan akademik dalam program IB. *Kajian Pendidikan Asia*, 14(1), 101-115.
- Smith, J., & White, M. (2020). Kesan sokongan fasilitator terhadap motivasi pelajar dalam aktiviti CAS. *Jurnal Pendidikan Amerika Utara*, 7(4), 320-333.
- O'Connor, L., & Franklin, D. (2022). Kesan pilihan aktiviti mengikut minat pelajar terhadap kepuasan dalam program CAS. *Jurnal Kajian Pendidikan Eropah*, 5(3), 160-175.
- Hassan, A., & Mahmood, M. (2021). Kepentingan kesesuaian aktiviti CAS dengan budaya setempat di Timur Tengah. *Jurnal Budaya dan Pendidikan*, 9(2), 45-58.
- Patel, N., & Kumar, S. (2023). Kepentingan CAS dalam membina kemahiran untuk masa depan: Satu kajian di India. *Jurnal Pendidikan Masa Depan*, 11(2), 130-145.

<https://sites.google.com/site/www.ibo.org/>. Tarikh diakses 13 January 2023.

<https://sites.google.com/site/www.ibo.org/programmes/>. Tarikh diakses 13 January 2023.

<https://sites.google.com/site/www.ibo.org/CAS/>. Tarikh diakses 13 January 2023.



Volume: 7 Issues: 24 [September, 2024] pp. 76 - 93

Jurnal Penelitian Sains Sosial (JOSSR)

eISSN: 2637 -0956

Journal Website: www.josr.com

DOI: 10.55573/JOSSR.072408